

02 MAR 2002

Korea Utara-Lawatan/I

KIM YONG NAM AKAN LAKUKAN LAWATAN TIGA HARI KE MALAYSIA

Oleh: R. Ravichandran

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Presiden Jawatankuasa Tetap Dewan Perhimpunan Tertinggi Rakyat Korea Utara, Kim Yong Nam akan tiba di sini esok dalam rangka lawatan negara tiga hari ke Malaysia bagi mempertingkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Kim, 75, akan menjadi pemimpin tertinggi negara itu yang melawat Malaysia sejak Kuala Lumpur dan Pyongyang menjalin hubungan diplomatik pada 1973.

Dewan Perhimpunan Tertinggi Rakyat merupakan badan perundangan tertinggi Korea Utara.

Seorang pegawai kedutaan Korea Utara di sini memberitahu Bernama bahawa Kim, yang akan tiba dari Thailand bersama delegasi seramai 30 anggota selepas mengadakan lawatan serupa ke negara itu, akan mengadakan perbincangan mengenai isu ekonomi yang mempunyai kepentingan bersama serta mencari jalan untuk mempertingkatkan kerjasama ekonomi antara negaranya dan Malaysia.

"Malaysia dan Korea Utara mempunyai hubungan yang sangat mesra," kata pegawai itu.

Delegasi Korea Utara itu turut dianggotai Menteri Luar Paek Nam Sun; Menteri Perdagangan Luar Negara Ri Kwang-Gun; Presiden Akademi Sains Ri Kwang Ho; dan pengerusi Jawatankuasa Bagi Perhubungan Budaya Dengan Negara Luar, Mun Jae Chol.

Semasa lawatan berkenaan, kedua-dua negara dijangka menandatangani memorandum persefahaman (MoU), antara lain dalam bidang ekonomi dan budaya dengan disaksikan oleh Kim dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kedua-dua pemimpin juga akan mengetuai negara masing-masing dalam mesyuarat dua hala yang akan berlangsung Isnin.

Walaupun memegang ideologi yang berbeza, hubungan mesra yang terjalin antara kedua-dua negara sentiasa berkembang. Ini terbukti melalui kesediaan Malaysia menawarkan kemudahan kredit dan aturan pembayaran bagi pembelian minyak sawit bernilai AS\$10 juta (RM38 juta) kepada Korea Utara selain menyediakan 30 tempat bagi penuntut negara itu mengikuti latihan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

Di samping memberi bantuan kemanusiaan kepada Korea Utara yang mengalami kemarau dan banjir teruk beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia juga menawarkan diri untuk melatih rakyat negara itu dalam bidang teknologi maklumat.

Tawaran itu disampaikan kepada pemimpin Korea Utara semasa lawatan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar ke negara itu Jun tahun lalu.

Pada April 2000, kedua-dua negara menandatangani perjanjian mengenai penghapusan sebahagian syarat visa bagi meningkatkan lagi lawatan sosial dan perniagaan antara kedua-dua negara.

Pada 1999, kira-kira 500 rakyat Malaysia, kebanyakannya pelancong dan ahli perniagaan, telah melawat Korea Utara.

"Ini semua menunjukkan bahawa hubungan dua hala antara Korea Utara-Malaysia semakin baik dan kukuh," kata pegawai kedutaan itu.

Akhbar luar negara melaporkan bahawa semasa lawatannya, Kim akan memberi fokus kepada usaha menarik pelaburan bagi zon ekonomi khusus Rajin-Sonbong di negaranya serta mempertingkatkan kerjasama dalam bidang teknologi maklumat.

Pada 1999, jumlah dagangan antara Malaysia dan Korea Utara meningkat

tiga kali ganda kepada RM29.65 juta daripada RM9.66 juta pada 1998.

Dengan penduduk berjumlah 22 juta orang, Korea Utara yang mempunyai keluasan 120,540 km persegi merupakan ekonomi yang paling terpusat di dunia.

Perbincangan yang bakal diadakan antara Kim dan Dr Mahathir dijangka menyentuh isu-isu semasa antarabangsa serta perkembangan terbaru di Semenanjung Korea.

Malaysia telah melahirkan sokongannya terhadap Deklarasi Bersama Korea Utara dan Korea Selatan berhubung penyatuan secara aman kedua-dua negara pada Sidang Kemuncak Antara Dua Korea yang penuh bersejarah di Pyongyang dua tahun lalu yang dihadiri oleh pemimpin Korea Utara Kim Jong-il dan presiden Korea Selatan Kim Dae Jung.

Semenanjung Korea terbahagi kepada Korea Utara dan Korea Selatan pada akhir Perang Dunia Kedua dan berlarutan semasa Perang Korea (1950-1953).

Sejak kebelakangan ini, Korea Utara telah mengambil daya usaha untuk memulihkan hubungan dengan banyak negara Barat dan dua tahun lepas negara ini menjadi anggota ke-23 Forum Serantau Asean (ARF) yang sering mengadakan perbincangan mengenai isu-isu keselamatan serantau.

Menurut kenyataan Wisma Putra di sini, Kim akan diberi sambutan negara Isnin ini.

Beliau juga dijangka menghadiri majlis jamuan negara yang diadakan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail di Istana Negara.

Kim turut dijadualkan melawat kilang Proton di Shah Alam dan Perbadanan Pembangunan Multimedia di Cyberjaya untuk diberi taklimat mengenai Koridor Raya Multimedia.

Beliau juga akan melawat Menara Kembar Petronas yang merupakan bangunan tertinggi di dunia.

-- BERNAMA

RV MAM SP RON